

## KENYATAAN MEDIA

**7 JULAI 2025**

### MAJLIS PENYERAHAN PERWAKILAN & TAKLIMAT MENTOR-MENTEE SIWANIS 2025

#### #SIWANIS2025 | Kepimpinan Wanita Menuju 50% Perwakilan

SHAH ALAM, 7 Julai 2025 – Program Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025 memasuki fasa penting hari ini dengan berlangsungnya Majlis Penyerahan Perwakilan dan Taklimat Mentor-Mentee, disempurnakan oleh **Yang Berhormat Puan Anfaal Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor** di Bilik Gerakan, Wisma Dewan Negeri Selangor.

Sesi ini menyaksikan perwakilan SIWANIS 2025 yang terdiri daripada 56 wanita muda berpotensi, diserahkan secara rasmi kepada mentor masing-masing yang terdiri daripada barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO), Ahli Dewan Negeri (ADN) serta Penyelaras DUN.

Majlis ini turut melibatkan sesi taklimat menyeluruh mengenai peranan dan komitmen mentor dalam membimbing mentee, iaitu:

- Sesi pengenalan;
- Satu (1) hari turun padang atau lebih (mengikut keperluan atau kesesuaian) bersama mentor supaya mentee boleh mendapatkan input bagi isu-isu yang berlaku di kawasan DUN/ZON mentor berpandukan 9 fokus isu yang diketengahkan dalam SIWANIS (Sesi ini diwajibkan); dan
- Perkongsian tentang peranan sebagai wakil rakyat / cara menyelesaikan sesuatu isu yang berlaku / panduan menyediakan soalan / cara berbahas di Sidang Dewan Negeri.

Program mentor-mentee ini berlangsung dari **8 Julai hingga 8 Ogos 2025**, di mana setiap mentee akan dibimbing secara praktikal berdasarkan **9 fokus isu dasar utama**, antaranya:

1. Pemerkasaan Wanita & Keterangkuman Sosial
2. Demokrasi & Reformasi Institusi
3. Kesihatan Awam & Ekonomi Penjagaan
4. Tenaga Kerja, Produktiviti & TVET
5. Teknologi & Kecerdasan Buatan
6. Alam Sekitar & Perubahan Iklim
7. Pertanian & Keterjaminan Makanan
8. Infrastruktur & Pembangunan Bandar
9. Hasil Negeri & Pelaburan

Melalui sesi ini, para mentee akan mengumpulkan input dan memahami isu sebenar yang berlaku di peringkat akar umbi, bagi dibentangkan dalam **Kemuncak SIWANIS** yang bakal berlangsung di **Dewan Negeri Selangor pada 12 Ogos 2025.**

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan media, sila layari laman rasmi Wanita Berdaya Selangor atau hubungi Puan Imma Mansor di talian 013-2898399 atau emel ke [imma@wbselangor.com.my](mailto:imma@wbselangor.com.my).

---

### **Mengenai Sidang Wanita Selangor (SIWANIS)**

Merupakan program simulasi Sidang Dewan Negeri yang mengumpulkan wanita dalam satu platform bagi mengasah keupayaan serta mencungkil bakat kepimpinan terutamanya di peringkat pembuatan dasar.

#### **Pembaharuan SIWANIS 2025;**

- Penyertaan dibuka kepada wanita dari seluruh Malaysia, menjadikan SIWANIS lebih inklusif serta memperkuat jaringan rentas negeri dalam perkongsian idea dan pengalaman;
- Pendekatan “Mentor-Mentee” yang diperluas, peserta akan diserahkan kepada mentor daripada kalangan Ahli Dewan Negeri (ADN) pada 14 Julai 2025, bersempena Sidang DUN, bagi mendapatkan bimbingan secara langsung; dan
- Peningkatan kualiti kandungan dan tenaga pengajar, antaranya melibatkan YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, yang dijangka memberi pengisian khas berkaitan kepimpinan Parlimen dan penggubalan dasar.

#### **Objektif Utama SIWANIS 2025;**

1. Mencungkil bakat kepimpinan wanita serta memperkuat penguasaan dalam isu dasar dan tadbir urus.
2. Memberi ruang latihan praktikal bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dasar dan kepimpinan.
3. Menyumbang ke arah pencapaian sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita dalam kepimpinan, dengan aspirasi 50% sebagai pembuat keputusan di pelbagai peringkat.
4. Membina jaringan dinamik di kalangan pemimpin wanita untuk memperkuat penglibatan dalam parti politik, pentadbiran kerajaan serta pembentukan dasar awam.

**-Tamat-**